

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM LELAKI MEMAKAI EMAS PUTIH**

1. TAJUK PERSOALAN

Kertas ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk mendapat pertimbangan dan pandangan mengenai hukum lelaki memakai emas putih.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Dari Abu Musa bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Dihalalkan emas dan sutera untuk kaum wanita dari umatku dan diharamkan keduanya terhadap kaum lelaki. Terdapat satu riwayat bahawa Rasulullah s.a.w pernah melihat sebuah cincin dari emas ditangan seseorang, maka Rasulullah s.a.w meragutnya lalu membuangnya lantas bersabda, “Seseorang dari kamu sengaja memegang bara api dari neraka lalu diletakkan ditangannya”, lalu Rasulullah meninggalkan lelaki pemilik cincin tersebut dan membiarkan cincinnya terbuang di hamparan bumi lantas sebahagian orang berkata kepada si pemilik cincin, “Rasulullah telah pergi, ambil cincinmu dan pergunakanlah”, Lelaki itupun menjawab dengan tegas, “Tidak, Demi Allah aku tidak akan mengambilnya apa yang sudah dilempar Rasul”.

2.2 Menurut para Fuqaha' golongan Maliki, bagi kaum lelaki boleh memakai cincin dari perak asalkan tidak lebih dari dua dirham dengan syarat bertujuan mengikut jejak Rasulullah s.a.w. Berdasarkan analogi cincin ini, maka setiap benda yang diperbuat daripada emas (termasuk emas putih) yang dipakai untuk berhias oleh kaum lelaki, maka benda-benda tersebut hukumnya tetap diharamkan bagi mereka (Yunos Ali al-Mudhor: Terjemahan Halal dan Haram dalam Islam).

2.3 Sebab lelaki haram memakai emas:

عن أبي موسى أن النبي (ص) قال أحل الذهب
والحرير للآث من أمتي وحرّم علي ذكورها

Maksudnya : Dari Abu Musa, bahawa Nabi s.a.w bersabda: Emas dan Perak itu dihalalkan bagi kaum wanita dari umatku dan diharamkan bagi lelakinya

(Riwayat Nasa'i, Termizi dan Ahmad)

2.4 Islam mengharamkan pemakaian ini hanya kerana memakai emas boleh menjurus kepada dua bahawa : Satu sisi akan menjurus pada gaya hidup yang mewah dan berlebih-lebihan yang tidak diperkenankan Islam. Sisi lain akan mengacu kepada kemewahan yang dapat merosakkan bangsa dan penyianyan harta yang tidak sepatutnya oleh kaum lelaki.

3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

3.1 Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 29 April 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut :

“Jawatankuasa Fatwa kali 1/99 membuat keputusan menagguhkan perkara ini bagi mendapat kajian yang lebih lanjut dan terperinci”.

3.2 Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada 23 Ogos 1999 memutuskan :

“ Bahawa Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada 23 Ogos 1999 sebulat suara memutuskan bahawa hukum lelaki memakai emas putih adalah haram berdasarkan kenyataan Prof. Zahari Dato' Sulaiman bahawa emas putih terhasil campuran daripada 2 unsur logam iaitu emas kuning dicampur

perak. Hujjah bagi pengharaman lelaki memakai emas putih kerana kadar emas yang dicampurkan dengan perak adalah lebih tinggi daripada perak sehinggalah kadar emas itu melebihi daripada 50% setahun adakalanya mencecah sehingga 75%".